



TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' SRI KHAZALI BIN HJ. AHMAD
KETUA PENGARAH KASTAM MALAYSIA**

**BERSEMPENA:
SAMBUTAN HARI KASTAM SEDUNIA KALI KE-35
TAHUN 2017**

**TEMPAT:
AKADEMI KASTAM DIRAJA MALAYSIA,
MELAKA**

**TARIKH:
26 JANUARI 2017 | KHAMIS**

1. BISMILLAHHI RAHMANI RAHIM
ALHAMDULILLAH ROBBIL A'LAMIN
WABIHI NASTA'IN
WA'ALA ALIHI WASOHBIHI AJMA'IN

2. **YAB DATUK SERI UTAMA Ir. HJ. IDRIS BIN HJ. HARON,**
KETUA MENTERI MELAKA,

YB DATO' WIRA OTHMAN BIN AZIZ,
TIMBALAN MENTERI KEWANGAN I,

YBHG. DATO' INDERA SUBROMANIAM THOLASY,
TIMBALAN KETUA PENGARAH KASTAM
(PENGUATKUASAAN & PEMATUHAN),

YBHG. DATO' HASNOL ZAM ZAM BIN AHMAD,
TIMBALAN KETUA PENGARAH KASTAM (PENGURUSAN),

YBHG. DATO' ZULKIFLI BIN YAHYA,
TIMBALAN KETUA PENGARAH KASTAM
(PERKASTAMAN & GST),

YBHG. DATO' PADDY BIN ABD HALIM,
PENOLONG KETUA PENGARAH KASTAM (PENGUATKUASAAN),

YBHG. DATO'-DATO' PENGARAH KASTAM IBU PEJABAT,

YBHG. DATO'-DATO' PENGARAH KASTAM NEGERI,

BARISAN PEGAWAI-PEGAWAI KANAN JABATAN,

SETERUSNYA TUAN-TUAN, PUAN-PUAN SERTA PARA HADIRIN
YANG SAYA HORMATI SEKALIAN.

3. ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.
4. SALAM SEJAHTERA, SALAM 1 MALAYSIA DAN SALAM 1 KASTAM.
5. ALHAMDULILLAH, BERSYUKUR KITA KE HADRAT ALLAH S.W.T. KERANA DENGAN LIMPAH KURNIA DAN IZIN-NYA DAPAT KITA BERSAMA-SAMA BERADA DALAM MAJLIS "SAMBUTAN HARI KASTAM SEDUNIA" KALI KE-35 BAGI TAHUN 2017.
6. TERLEBIH DAHULU INGIN SAYA MERAKAMKAN SEKALUNG TAHNIAH DAN SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN KEPADA PIHAK JAWATANKUASA INDUK MAJLIS YANG TELAH BERTUNGKUS-LUMUS MENGANJURKAN MALAM ANUGERAH KECEMERLANGAN INOVASI JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA BAGI TAHUN 2016.
7. SESUNGGUHNYA MAJLIS PADA HARI INI AMAT BERMAKNA KEPADA SELURUH WARGA JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA KERANA IA MAMPU MENYUNTIK SEMANGAT DAN ILTIZAM KEPADA

KITA TERUS BERKHIDMAT MENABUR JASA DAN BAKTI KEPADA NEGARA TERCINTA.

YBHG DATUK SERI, DATO'- DATO', TUAN - TUAN DAN PUAN - PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN.

8. KE ARAH USAHA MEREALISASIKAN MALAYSIA SEBAGAI SEBUAH NEGARA MAJU DAN BERPENDAPATAN TINGGI, KERAJAAN TELAH MEMPERGIATKAN PELBAGAI USAHA UNTUK MENCORAK PERTUBUHAN POSITIF EKONOMI NEGARA.
9. SALAH SATU FAKTOR UTAMA YANG DITITIKBERATKAN ADALAH LANGKAH UNTUK MENGURANGKAN KETIRISAN HASIL NEGARA DISAMPING MENGEMBANGKAN CAPAIAN HASIL SEDIA ADA.
10. USAHA MURNI PIHAK KERAJAAN INI ADALAH BERTEPATAN DENGAN TEMA SAMBUTAN HARI KASTAM SEDUNIA KALI KE-35 BAGI TAHUN 2017 INI IAITU, "ANALISIS DATA UNTUK PENGURUSAN SEMPADAN BERKESAN."
11. SEBAGAI SALAH SEBUAH AGENSI PENGUATKUASAAN SEMPADAN, KITA PERCAYA, JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA BERADA PADA POSISI YANG SIGNIFIKAN DAN JELAS UNTUK MENJAMIN KEUTUHAN SEMPADAN NEGARA DALAM KONTEKS BERKAITAN PERIHAL PERKASTAMAN.

12. KEMUNCULAN PELBAGAI CABARAN BARU YANG UNIK SERTA KETIDAKTENTUAN SITUASI DI PINTU-PINTU MASUK UTAMA NEGARA MEMERLUKAN WARGA KASTAM UNTUK SENTIASA BERSEDIA DAN MEMPERKEMASKAN PENGETAHUAN DENGAN ILMU BARU DAN STRATEGI TERKINI.

YBHG DATUK SERI, DATO'- DATO', TUAN - TUAN DAN PUAN - PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN.

13. SECARA UMUMNYA, DATA SEMPADAN MERUPAKAN MAKLUMAT-MAKLUMAT YANG KITA PEROLEHI MELALUI AKTIVITI YANG BERLAKU DI SEMPADAN TANAH AIR TERMASUKLAH PERGERAKKAN KELUAR MASUK BARANGAN DAN MANUSIA.
14. DATA-DATA INI ADALAH PENTING UNTUK DIKUMPUL DENGAN EFISYEN DAN SISTEMATIK SUPAYA DAPAT DIGUNAKAN SECARA OPTIMUM UNTUK MENINGKATKAN KEBERHASILAN SERTA KEBERKESANAN PENGURUSAN SEMPADAN.
15. “ANALISIS DATA UNTUK PENGURUSAN SEMPADAN BERKESAN” MERUPAKAN SATU TEMA YANG DIANJURKAN UNTUK MELONJAKKAN BUDAYA MENGANALISIS DATA DI KALANGAN WARGA KASTAM.
16. TEMA INI JUGA ADALAH KESINAMBUNGAN DARIPADA TEMA SAMBUTAN HARI KASTAM SEDUNIA TAHUN 2016 IAITU, PERKHIDMATAN DIGITAL: KETERLIBATAN PROGRESIF.

17. MANFAAT YANG DIPEROLEHI DARIPADA PERKEMBANGAN PERKHIDMATAN DIGITAL DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DALAM SETIAP BIDANG YANG BERKAITAN PERIHAL PERKASTAMAN BERUPAYA MEWUJUDKAN MOMENTUM PROAKTIF UNTUK DIAPLIKASIKAN SEMASA PROSES MENGANALISIS DATA.
18. KITA YAKIN JALINAN KEPAKARAN MELALUI PENGGUNAAN PERANTI DAN PERISIAN YANG BERSESUAIAN UNTUK MENGUMPUL SERTA MENGANALISIS DATA MAMPU MENJADI PENCETUS MOTIVASI KEPADA SETIAP WARGA JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA UNTUK TERUS BERUSAHA MEMPERKASAKAN PENGURUSAN SEMPADAN DENGAN LEBIH BERKESAN.

YBHG DATUK SERI, DATO'- DATO', TUAN - TUAN DAN PUAN - PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN.

19. SUNGGUHPUN DIAKUI PENGAPLIKASIAN PERKHIDMATAN DIGITAL DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT TELAH MEMBUKA BANYAK JALAN YANG BERKAITAN DENGAN PENGURUSAN SEMPADAN, CABARAN UTAMA YANG PERLU KITA TEMPUHI ADALAH, BAGAIMANA UNTUK KITA MENGANALISIS DAN MENGGUNAKAN DATA YANG TELAH DIKUMPUL DENGAN CARA YANG BETUL SERTA EFEKTIF.
20. PROSES MENGANALISIS DATA DENGAN CARA YANG BETUL ADALAH PENTING SUPAYA WARGA KASTAM YANG BERTUGAS DI PERBATASAN NEGARA MAMPU UNTUK MENETAPKAN KEUTAMAAN TUGASAN, MEMBUAT KEPUTUSAN KRITIKAL YANG

TEPAT, MENGUKUR TAHAP PRESTASI SERTA MERANCANG RAMALAN DAN OPERASI MASA HADAPAN.

21. SEBAGAI LANGKAG UNTUK MENGOPTIMUMKAN PENGURUSAN SEMPADAN DENGAN BERKESAN, KITA MEMERLUKAN KOLEKSI DATA YANG TEPAT DAN BERKUALITI.
22. ADALAH WAJAR KIRANYA DATA-DATA YANG KITA DAPATI INI DIBUKA UNTUK PERKONGSIAN DAN DISELARAS DENGAN BARISAN AGENSI PENGUATKUASAAN SEMPADAN YANG BERKAITAN AGAR CAPAIAN OBJEKTIF DAN MATLAMAT LEBIH BERSIFAT MENYELURUH.
23. APA YANG PENTING, JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA PERLU SENTIASA MEMASTIKAN KELESTARIAN PRIVASI DAN MAKLUMAT YANG DIKUMPUL BERLANDASKAN UNDANG-UNDANG NEGARA AGAR IANYA TIDAK DISELEWENG DAN DIEKSPLOITASI DENGAN MUDAH.

YBHG DATUK SERI, DATO'- DATO', TUAN - TUAN DAN PUAN - PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN.

24. DEMI MEMACU KEUNGGULAN JABATAN DALAM KONTEKS PENGURUSAN SEMPADAN, MARILAH KITA BERSAMA-SAMA MENGORAK LANGKAH KE ARAH MEMASTIKAN DATA SERTA MAKLUMAT YANG DIREKODKAN DAPAT DIEKSTRAK DENGAN BAIK DAN SEMPURNA.

25. KITA PERLU SEDAR DAN AKUR AKAN CABARAN YANG PERLU DIHADAPI DI ERA GLOBALISASI INI.
26. SEBAGAI SEBAHAGIAN DARIPADA WARGA KASTAM GLOBAL, JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA PERLU MEMAINKAN PERANAN DENGAN MENJALINKAN KERJASAMA DAN BERTUKAR BUAH FIKIRAN SESAMA ANGGOTA PERTUBUHAN KASTAM SEDUNIA (WCO) YANG LAIN AGAR KITA SEDIKIT-SEBANYAK MEMPEROLEHI INSPIRASI DEMI MENZAHIRKAN TEMA SAMBUTAN HARI KASTAM KALI KE-35 INI.
27. WARGA KASTAM DISERU UNTUK TERUS MEMPERKEMASKAN PEMAHAMAN DAN PENGETAHUAN MASING-MASING BERKENAAN PROSES MENGANALISIS DATA KE ARAH MENINGKATKAN SERTA MENGIKTIRAF PERANAN MEREKA DALAM USAHA MEMPERKASAKAN PENGURUSAN SEMPADAN.

YBHG DATUK SERI, DATO'- DATO', TUAN - TUAN DAN PUAN - PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN.

28. SEBELUM SAYA MENGUNDUR DIRI, SEKALI LAGI SAYA MENGGESA SELURUH WARGA JABATAN UNTUK BERSAMA-SAMA MENINGKATKAN KECEKAPAN MENGANALISIS DATA KE ARAH MEMPERKASAKAN PENGURUSAN SEMPADAN YANG LEBIH BERKESAN.

29. AKHIR KATA, SELAMAT MENYAMBUT HARI KASTAM SEDUNIA KALI KE-35 DAN SEMOGA KITA TERUS UTUH UNTUK BERKHIDMAT MENYEJAHTERAKAN RAKYAT.

30. SEKIAN, TERIMA KASIH.

31. WABILLAH TAUFIQ WALHIDAYAH
WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.

**DATO' SRI KHAZALI BIN HAJI AHMAD,
KETUA PENGARAH KASTAM MALAYSIA.
25 NOVEMBER 2016**